

03 MAY 1996

Mahathir-Belia

PM INGATKAN BELIA BUKAN SEMUA IDEAL BOLEH DILAKSANAKAN

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan berusaha sedaya upaya memenuhi kehendak dan cita-cita golongan belia di negara ini tetapi mengingatkan mereka bahawa tidak semua yang mereka anggap ideal bagi sesebuah negara itu boleh dilaksanakan.

Perdana Menteri berkata beliau sendiri ketika berada pada peringkat usia belia mempunyai pelbagai ideal tetapi selepas dewasa dan mempunyai kuasa untuk melaksanakannya tidak mampu berbuat demikian.

"Ini kerana bukan semua yang ideal itu boleh dilaksanakan. Kadangkala ia terlalu ideal hingga sukar untuk dilaksanakan walaupun kita mempunyai kuasa," katanya ketika berucap pada majlis pecah tanah Kompleks Yayasan Belia Sedunia bernilai RM100 juta di Ayer Keroh di sini.

Dr Mahathir berkata beliau ketika muda dulu sering mengkritik orang dewasa dan kerajaan kerana tidak melaksanakan apa yang difikirkannya ideal.

Bagaimanapun beliau berkata apabila usia semakin dewasa dan kuasa sudah ada di tangan barulah beliau sedar betapa sukarnya untuk melaksanakan segala-gala yang difikirkan ideal.

Beliau mengakui pengalamannya sebagai seorang belia dahulu banyak mengajarnya untuk lebih giat menggerakkan pelbagai usaha bagi memajukan belia di negara ini.

Katanya, bagaimanapun, kerajaan sedar apa yang dilakukannya sekarang bukan semuanya digemari oleh golongan belia.

"Ini kerana saya sendiri bersikap demikian kerana tidak suka hak dan kebebasan kita diganggu orang lain," katanya.

"Tetapi kerajaan terpaksa melakukan semua ini kerana dalam pada kita tidak mahu merampas hak mereka, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan belia kita sudah bersedia untuk meneruskan segala yang dirancang sekarang dengan jayanya pada masa depan.

Beliau berkata, sebagaimana beliau sedar sekarang betapa pentingnya kegiatan belia dikawal dan hidup mereka dibentuk, belia juga akan sedar satu hari nanti apa yang dijalankan kerajaan sekarang adalah betul walaupun tidak kesemuanya.

Tanah seluas 3.8 hektar adalah sumbangan kerajaan negeri dengan premium paling rendah iaitu RM600,000 walaupun nilai sebenar RM2.5 juta, dibina secara Bina, Kendali dan Serah.

Ia boleh digunakan pada September 1998 sebelum sukan Komanwel.

Dr Mahathir berharap kompleks itu ditadbir secara ikhlas dan jujur bagi memastikan cita-cita murni pembinaannya tercapai.

-- BERNAMA

AH AHH